

Bandar

*Bicara
Menteri*
muka 7



PERCUMA 3 DISEMBER 2017 • 14 RABIULAWAL 1439

BIL: 21



NBO'S

*Transformasi
positif
pentadbiran
negara*

***Merancang pembangunan
bersama masyarakat***

- Jimat perbelanjaan kerajaan
- Pengiktirafan antarabangsa
- Pelaksanaan secara inklusif

muka 2&3



***Kenaikan elaun kritikal JBPM
dalam pertimbangan muka 4***

***Tiga balai bomba
baharu di Selangor muka 5***



***Peranan bersama
jayakan dasar
kerajaan
Persekutuan
muka 6***



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nazirul Ikram Sirozi

Pegawai Komunikasi Strategik

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi menyampaikan Geran Agropreneur Muda Parlimen Bagan Datuk pada majlis perasmian Fiesta NBOS Sayang Malaysia di padang SMK Hutan Melintang, Bagan Datuk, Perak baru-baru ini. Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim; Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek serta Menteri Besar Perak, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir.

Transformasi menyeluruh pentadbiran kerajaan Kejayaan memberangsangkan program NBOS

PROGRAM Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang dilaksanakan kerajaan sejak sembilan tahun lalu telah menunjukkan kemajuan yang positif dalam usaha mentransformasikan aspek pentadbiran di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi berkata, walaupun segelintir pihak memandang sinis terhadap proses transformasi yang dilaksanakan, program berkenaan sebenarnya telah membuahkan hasil yang amat baik.

Beliau berkata, kejayaan itu termasuk menjimatkan perbelanjaan pembangunan kerajaan sebanyak RM2 bilion melalui 20 Pusat Transformasi Bandar (UTC) serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan melalui kewujudan UTC dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

"Malah, pakar-pakar pembangunan dari luar negara turut melihat kejayaan yang dicapai Malaysia itu secara objektif melalui kajian-kajian empirikal yang dilakukan.

"Selama sembilan tahun NBOS dilaksanakan dengan melibatkan sebanyak 114 inisiatif yang semuanya sudah berjalan dengan lancar dan hasilnya adalah inklusif dengan melibatkan segenap lapisan masyarakat," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata de-



Timbalan Perdana Menteri diiringi Tan Sri Haji Noh bin Omar menyampaikan sijil pendaftaran MyBomba JPP di ruang pameran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada Fiesta NBOS Sayang Malaysia.

mikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Fiesta NBOS Sayang Malaysia di padang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hutan Melintang di Bagan Datuk, Perak baru-baru ini.

Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim; Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Indus-

NBOS
STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

tri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek; Menteri Besar Perak, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa.

Ahmad Zahid menambah, tiada program lain di dunia yang berupaya menandingi NBOS dari segi keberkesanannya dalam menyampaikan perkhidmatan kerajaan secara lebih baik dan efektif.

Beliau memberitahu, kejayaan NBOS melalui inisiatif mengubah persepsi terhadap banduan yang mengikuti Program Pemulihan Pemasarakatan (PPP) turut membuahkan hasil yang amat memberangsangkan.

"Kesemua mereka ini dipulihkan melalui program rehabilitasi dan menunjukkan hasil baik di mana kadar perulangan jenayah hanya 0.6 peratus berbanding 7.2 peratus semasa program ini tidak dilaksanakan," jelasnya.

Ahmad Zahid berkata, kejayaan tersebut bakal menerima pengiktirafan daripada badan antarabangsa dalam satu majlis yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 12 Disember ini.

PPR Bagan Datuk sediakan 500 rumah kos rendah

PROJEK Perumahan Rakyat (PPR) Bagan Datuk bakal menyediakan sebanyak 500 unit kediaman bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan memiliki rumah sendiri.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, pelaksanaan projek tersebut dijadualkan bermula di Bagan Datuk Water City mulai Disember ini dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

Menurut beliau, PPR Bagan Datuk merupakan rumah teres setingkat dengan keluasan 213.3 meter persegi untuk unit biasa manakala 216.4 meter persegi untuk unit orang kurang upaya (OKU).

“PPR Bagan Datuk ini merupakan salah satu komponen dalam pembangunan bersepadu Bagan Datuk Water City yang akan dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dan dipantau oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi,” katanya.

Noh berkata demikian selepas pelancaran PPR Bagan Datuk oleh Timbalan Perdana Menteri pada program Fiesta Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Sayang Malaysia di padang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hutan Melintang, Perak baru-baru ini.

Beliau memberitahu, PPR Bagan Datuk juga akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti dua unit kedai, dua unit gerai, sebuah surau yang berupaya memuatkan 200 jemaah serta sebuah tadika dengan tiga bilik darjah.

“Berkonsepkan pembinaan teknologi hijau, kita juga akan membina dua taman permainan kanak-kanak dengan laluan rekreasi, gelanggang terbuka, lampu taman, satu unit wakaf, pokok teduhan dan peralatan senaman,” katanya.

Selain itu, kata Noh, PPR Bagan Datuk yang dibangunkan di atas tanah seluas 15.3 hektar itu juga dilengkapi loji kumbahan, sistem bekalan air luaran dan dalaman, menara tangki, tangki sedut serta rumah pam.



Tan Sri Noh bin Haji Omar memberi penerangan kepada Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi tentang PPR Bagan Datuk pada majlis pelancaran projek berkenaan sempena Fiesta NBOS Sayang Malaysia di SMK Hutan Melintang, Bagan Datuk, Perak baru-baru ini.



Tan Sri Haji Noh bin Omar bersama ahli-ahli MyBomba JPP yang menerima sijil pendaftaran masing-masing.



Orang ramai yang hadir memeriahkan Fiesta NBOS Sayang Malaysia.

Menghargai komitmen ketika bertugas

Kenaikan elaun kritikal JBPM dalam pertimbangan

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merancang untuk menaikkan kadar Elaun Khas Perkhidmatan bagi 13,000 pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di seluruh negara.

Menterinya, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, pertimbangan itu telah diperhalusi pihaknya dengan melibatkan kadar RM200 sebulan selaras dengan komitmen serta risiko yang dihadapi oleh anggota-anggota JBPM ketika menjalankan tugas.

Menurut beliau, kenaikan kadar elaun meliputi semua gred juga telah dikemukakan dan dibentangkan kepada Kabinet.

"Sekarang ini kita sedang menunggu kelulusan daripada Kabinet sebelum proses

» *Sekarang ini kita sedang menunggu kelulusan daripada Kabinet sebelum proses bayaran elaun ini dapat dilaksanakan.*

Kita tidak tahu bila, ia bergantung kepada kelulusan Kabinet nanti"

bayaran elaun ini dapat dilaksanakan. Kita tidak tahu bila, ia bergantung kepada kelulusan Kabinet nanti" katanya selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan JBPM Selangor di Ibu Pejabat JBPM Selangor di Bukit Jelutong, Shah Alam baru-baru ini.

Pada masa sama, Noh memberitahu, perkhidmatan JBPM adalah sama seperti pasukan-pasukan beruniform yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia)

yang terdedah kepada pelbagai risiko.

"Sebagai contoh, bila sampai musim banjir, kita bekukan semua cuti anggota bomba kerana kita bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

"Begitu juga kalau ada bencana, anggota bomba turut menggadaikan nyawa. Sebagai contoh ada kes baru-baru ini yang mana ada anggota kita di Perak terbakar pada badan akibat terkena renjatan elektrik semasa bertugas," ujarnya.



Tan Sri Haji Noh bin Omar menyampaikan b... Noraini Giman yang lumpuh kakinya.



Tan Sri Haji Noh bin Omar bersama pegawai dan anggota bomba pada Majlis Perhimpunan Bulanan JBPM Selangor di Ibu Pejabat JBPM Selangor, Bukit Jelutong baru-baru ini. Yang turut hadir, Pengarah JBPM Selangor, Azmi bin Osman (barisan depan, lapan dari kanan).



antuan kepada pesara bomba,



Tan Sri Haji Noh bin Omar memeriksa barisan kawalan kehormatan sambil diiringi Azmi bin Osman.

Jaringan keselamatan rakyat dipertingkatkan

3 balai bomba baharu di Selangor

JARINGAN keselamatan rakyat di Selangor dipertingkatkan lagi melalui tiga Balai Bomba dan Penyelamat baharu di negeri berkenaan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, tiga lokasi Balai Bomba dan Penyelamat baharu itu adalah Kuala Selangor, Kapar dan Telok Panglima Garang.

"Ketiga-tiga Balai Bomba dan Penyelamat ini telah pun siap dan mula beroperasi. Kita akan rasmikan tidak lama lagi.

"Sementara itu, tiga lagi Balai Bomba dan Penyelamat di Selangor masih dalam pembinaan iaitu di Sungai Pechala, Bandar Tun Hussein Onn dan Bukit Sentosa," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan JBPM Selangor di Ibu Pejabat JBPM Selangor, Bukit Jelutong, Shah Alam baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah JBPM Selangor, Azmi Osman.

Walau bagaimanapun, Noh kesal dengan sikap kerajaan negeri Selangor yang sehingga kini tidak mahu bertolak ansur dalam isu kadar premium tanah yang dikenakan kepada KPKT untuk projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di Setia Alam dan Bukit Rahman Putra.

Beliau memberitahu, kerajaan negeri Selangor tetap bertegas mengenakan premium tinggi kepada KPKT untuk membina dua Balai Bomba dan Penyelamat itu itu alasan mengikut peraturan.



Tan Sri Haji Noh bin Omar beramah mesra dengan pegawai-pegawai JBPM Selangor.

"Sedangkan, projek itu dilaksanakan atas dasar kepentingan rakyat dan sepatutnya bayaran premium tanah tersebut dikenakan pada kadar nominal bukannya mengikut harga pasaran tanah semasa iaitu RM19 juta bagi tanah di Setia Alam dan RM9.7 juta bagi tanah di Bukit Rahman Putra.

man Putra.

"Bagaimana kerajaan negeri Selangor boleh meminta KPKT membayar premium tanah yang tinggi sedangkan kos pembinaan kedua-dua Balai Bomba dan Penyelamat itu masing-masing hanya berjumlah antara RM3 juta hingga RM4 juta sahaja," ujarnya.



Tan Sri Haji Noh bin Omar bersama Dr. Mary Wong Lai Lin (kiri), Zamri bin Salleh (dua dari kiri) dan Dato' Noor Ihsan Che Mat menyempurnakan gimik perasmian Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan PBT 2017 di PWTC, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kerjasama PBT, kerajaan negeri jaga kebajikan rakyat

Peranan bersama jayakan dasar kerajaan Persekutuan

PIAHAK Berkuasa Tempatan (PBT) dan kerajaan negeri disarankan supaya memainkan peranan sewajarnya dalam melaksanakan setiap dasar yang diluluskan oleh kerajaan Persekutuan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, pihak kementerian menyalurkan peruntukan lebih RM1 bilion kepada PBT setiap tahun untuk melaksanakan setiap dasar yang bertujuan membela kebajikan rakyat.

"Kita bukannya buat dasar sesuka hati sebaliknya sebarang dasar dan garis panduan yang dibuat adalah bagi memastikan kebajikan rakyat terbela, jadi PBT perlu berikan kerjasama.

"Sebagai contoh, sehingga kini, hanya tiga negeri yang mewartakan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 yang mewajibkan pemasangan alat pemadam api di rumah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT, Dr. Mary Wong Lai Lin; Timbalan Ketua Setiausaha KPKT (Kesejahteraan Bandar), Zamri bin



Tan Sri Haji Noh bin Omar beramah mesra dengan pegawai-pegawai PBT yang hadir.

Salleh dan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Dato' Noor Ihsan bin Haji Che Mat.

Mesyuarat yang berlangsung dari 23 hingga 25 November itu dihadiri seramai 117 wakil PBT yang terdiri daripada Datuk Bandar, Yang Dipertua, Pengerusi, wakil kerajaan negeri dan beberapa agensi kerajaan dari seluruh negara.

Selain itu, seramai 246 peserta membincangkan 12 kertas kerja dan tiga kertas taklimat tentang PBT oleh pelbagai agensi termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Jabatan Perancangan Ban-

dar dan Desa (PLANMalaysia).

Dalam pada itu, Noh juga menasihatkan semua PBT yang terlibat agar meningkatkan kerjasama dalam pelbagai aspek perbandaran di kawasan masing-masing.

"Aspek kebersihan, pengurusan sisa pepejal dan masalah sosial perlu dipandang serius dan kalau boleh tubuhkan sebuah pusat sehenti supaya kerajaan dapat mempercepatkan permohonan untuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)," katanya.



Tan Sri Haji Noh bin Omar menyaksikan pameran yang diadakan sempena Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan PBT 2017.

PERUNTUKAN KPKT KEPADA PBT

RM320 juta

Program Pembangunan Projek-projek kecil di kawasan PBT (BP1)

RM302 juta

Pemberian Geran Tahunan

RM300 juta

Sumbangan Membantu Kadar (SMK)

RM135 juta

Peruntukan bayaran bil elektrik

BICARA MENTERI

Kerajaan Persekutuan lebih banyak bantu rakyat Selangor

KERAJAAN negeri Selangor akhirnya memansuhkan syarat perkongsian kos oleh penduduk bagi melaksanakan kerja-kerja membaik pulih perumahan kos rendah dan sederhana di negeri berkenaan mulai tahun depan. Itupun setelah pelbagai pihak mendesak syarat yang tidak munasabah dalam Skim Ceria itu dikaji semula.

Langkah itu boleh ditafsirkan sebagai 'pengakuan' daripada Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali bahawa syarat tersebut sebenarnya menyusahkan rakyat Selangor sendiri, terutamanya mereka yang menghuni di kawasan perumahan kos rendah.

Dalam pembentangan Bajet Selangor 2018 baru-baru ini, Mohamed Azmin turut mengumumkan peruntukan kira-kira RM53 juta bagi kerja-kerja membaik pulih dan mengecat semula perumahan kos rendah di negeri itu.

Jika hendak dibandingkan, jumlah RM53 juta itu adalah jauh lebih rendah daripada peruntukan yang disalurkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi projek membaik pulih Projek Projek Rakyat (PPR) di banyak lokasi sekitar Selangor tahun ini.

Malah, peruntukan sebanyak RM33.41 juta yang saya luluskan semasa turun padang di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Taman Medan, DUN Pelabuhan Klang, DUN Dusun Tua dan DUN Kota Damansara sepanjang September lalu adalah lebih separuh daripada apa yang dijanjikan

Menteri Besar Selangor untuk tahun depan. Itu belum dicampur lagi dengan peruntukan lebih RM20 juta yang saya luluskan bagi DUN Lembah Jaya, DUN Seri Serdang, DUN Kota Damansara dan DUN Paya Jaras sepanjang Oktober lalu.

Baru-baru ini juga saya telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM46.9 juta bagi geran pentadbiran yang disalurkan KPKT kepada 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor. Selain itu, lebih 50 peratus atau RM26 juta daripada bil elektrik lampu-lampu jalan dalam kawasan PBT di Selangor ditanggung oleh kerajaan Persekutuan. Bagi sumbangan bantu kadar untuk kuarters kerajaan dalam kawasan PBT di Selangor, kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan sebanyak RM13.2 juta. Secara keseluruhan, jumlah geran tahunan yang disalurkan kerajaan Persekutuan kepada PBT di Selangor adalah sebanyak RM86.1 juta.

Nampaknya, perbezaan antara janji kerajaan negeri Selangor dalam Bajet 2018 dan komitmen yang telah diberikan kerajaan Persekutuan tahun ini boleh diumpamakan seperti 'bagaikan langit dengan bumi'.

Justeru, saya ingin bertanya kepada Mohamed Azmin: Adakah itu langkah terbaik yang beliau boleh fikirkan bagi 'merealisasikan dasar pendemokrasian pemilikan rumah' di Selangor? Apakah itu sahaja yang boleh kerajaan negeri Selangor boleh lakukan bagi membuktikan 'rasa kasih dan peduli rakyat' selepas memerintah selama dua penggal?

Sekiranya Menteri Besar Selangor

benar-benar turun padang dan mengambil peduli terhadap masalah yang dihadapi penghuni di semua kawasan perumahan kos rendah di Selangor, mungkin beliau akan berfikir dua atau tiga kali tentang jumlah peruntukan yang diluluskan itu.

Malah, di kawasan Parlimen Gombak yang diwakili Mohamed Azmin sendiri pun, saya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM16 juta. Peruntukan bagi kawasan Parlimen Gombak sahaja melebihi 30 peratus daripada jumlah keseluruhan yang saya luluskan semasa program turun padang tahun ini. Beliau sebagai Ahli Parlimen Gombak pun tidak turun padang sehingga KPKT terpaksa menyalurkan peruntukan membaik pulih sistem kumbahan, bumbung dan lain-lain di beberapa perumahan kos rendah dalam kawasan tersebut.

Mungkin juga kerajaan negeri Selangor memikirkan mereka tidak perlu mengeluarkan peruntukan yang besar untuk menyelesaikan masalah rakyat bandar kerana sebahagian besar kerja membaik pulih telah dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan melalui KPKT.

Bila pilihan raya umum semakin hampir, bolehlah mereka mendabik dada sambil mencanangkan kononnya mereka yang menjadi 'hero' membantu penghuni perumahan kos rendah sedangkan pada hakikatnya, mereka hanya menumpang atas usaha kerajaan Persekutuan membantu rakyat. Perkara itu tidak mustahil berlaku memandangkan Mohamed Azmin pernah mendakwa keputusan

kerajaan Persekutuan memansuhkan kutipan tol di Batu Tiga dan Sungai Rasau adalah hasil usaha beliau dan sekutu-sekutunya.

Namun, saya percaya, tidak semudah itu mereka boleh mengaburi mata rakyat Selangor yang sudah tentunya lebih bijak menilai yang mana satu intan dan yang mana satu kaca. Lebih-lebih lagi, penghuni PPR yang sebelum ini terpaksa menanggung pelbagai kesulitan akibat kegagalan kerajaan negeri Selangor menyelesaikan masalah seperti kerosakan lif dan tangki air.

Rakyat Selangor dapat menyaksikan sendiri bagaimana bantuan yang disumbangkan oleh kerajaan Persekutuan termasuk melalui projek-projek yang dilaksanakan KPKT telah meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Perbezaan ideologi politik antara kerajaan negeri Selangor dan kerajaan Persekutuan tidak pernah menjadi batu penghalang kepada kita untuk membantu rakyat bandar di negeri berkenaan, terutamanya golongan yang memerlukan.

Berbeza pula dengan kerajaan negeri Selangor yang ditadbir Mohamed Azmin. Bila pilihan raya umum semakin dekat, barulah mereka menarik balik segala polisi yang selama ini menyusahkan rakyat Selangor. Tetapi saya yakin rakyat Selangor tidak mudah lupa siapakah yang lebih banyak membantu mereka selama ini.

TAN SRI HAJI NOH BIN OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Kitar semula

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar merasmikan Hari Kitar Semula Kebangsaan (HKSK) 2017 anjuran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang diadakan di Anjung Floria, Putrajaya pada 18 November lalu. Penganjuran HKSK 2017 yang bertemakan #PeluangKedua bertujuan menyedarkan orang ramai bahawa masih tidak terlewat untuk memulakan amalan 3R dalam kehidupan seharian.



Fun Walk

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique menyempurnakan upacara pelepasan HKSK Fun Walk pada 18 November lalu. Dalam acara itu, para peserta perlu membawa barangan kitar semula sama ada 10 unit botol plastik atau 10 unit tin aluminium atau 10 naskhah surat khabar lama sebagai bayaran penyertaan bagi menggalakkan orang ramai mengamalkan budaya 3R.



Ramah mesra

Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique beramah mesra sambil mengagihkan ais krim kepada para pengunjung HKSK 2017 pada 18 November lalu.



Pengisytiharan MBIP

Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di tapak bangunan pejabat baharu MBIP di Bandar Medini Iskandar, Johor pada 22 November lalu. Dalam majlis itu, Tan Sri Haji Noh bin Omar menyerahkan suratcara pengisytiharan MBIP kepada Menteri Besar Johor, Dato' Sri Mohamed Khaled bin Nordin.



Tabung Kemanusiaan Rohingya

Tan Sri Haji Noh bin Omar menyempurnakan upacara penyerahan Tabung Kemanusiaan Rohingya: Negaraku Prihatin hasil sumbangan daripada PUSPANITA Cawangan KPKT, SWCorp serta kontraktor-kontraktor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sempena HKSK 2017 pada 18 November lalu.



Perhimpunan Gen Y

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menandatangani plak perasmian pada Perhimpunan Gen Y Green The City Melaka 2017 yang diadakan di Dataran 1Malaysia, Klebang, Melaka pada 26 November lalu.



Inisiatif NBOS

Ketua Setiausaha KPKT, Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek menyampaikan ceramah bertajuk NBOS: Inisiatif-inisiatif KPKT dalam INTAN Talk Series on National Blue Ocean Strategy (NBOS) 2017 di Dewan Seri Baiduri, INTAN Bukit Kiara pada 28 November lalu.



Hari Kebangsaan Oman

Tan Sri Haji Noh bin Omar mewakili Kerajaan Malaysia ke Sambutan Hari Kebangsaan Oman pada 28 November lalu dan diberi penghormatan menyampaikan ucapan dalam majlis resepsi bersama kedutaan dan rakyat Oman yang tinggal di Malaysia.

Pelbagai aktiviti sepanjang Bulan Integriti KPKT

SAMBUTAN Bulan Integriti Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diadakan pada November setiap tahun.

Bagi meraikannya, Unit Integriti KPKT dengan kerjasama Unit Integriti Jabatan dan Agensi di bawah KPKT telah menganjurkan beberapa program dan aktiviti.

Program pertama merupakan mesej integriti yang disampaikan secara langsung oleh Ketua Setiausaha KPKT, Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek dengan menggunakan sistem siar raya di Bilik Kawalan KPKT pada 1 November lalu.

Penyampaian mesej integriti secara langsung itu turut dilakukan oleh Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit yang dibuat hampir setiap hari sepanjang bulan ini.

Bagi memeriahkan sambutan Bulan Integriti, penganjur turut mengadakan Pertandingan Video Kreatif Integriti dan Pertandingan Mencipta Poster Integriti.

Pertandingan Video Kreatif Integriti yang menawarkan hadiah wang tunai RM300 telah dimenangi oleh kumpulan BKS manakala Pertandingan Mencipta Poster Integriti dimenangi oleh Siti Hadijah binti Mat Bidin dengan hadiah wang tunai RM200.

Program lain yang turut diadakan

adalah Pertandingan Debat Integriti Piala KSU Tahun 2017 yang diadakan di Bilik Tanjung, Aras 11 KPKT pada 22 November lalu.

Pertandingan debat itu bertujuan memperkenalkan dan menerapkan budaya perdebatan serta pengucapan awam yang sihat selain menerapkan nilai dan sikap integriti dalam kalangan warga KPKT.

Johan pertandingan itu yang menawarkan hadiah wang tunai RM400 dan piala pusingan menjadi milik kumpulan 2+1 daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Naib johan iaitu kumpulan The Great Moment daripada Pejabat KSU pula membawa pulang hadiah wang tunai RM300 dan pasukan Bahagian Dasar dan Inspektorat yang menduduki tempat ketiga menerima hadiah wang tunai RM200.

Bagi melengkapkan sambutan bulan integriti KPKT, majlis Sambutan Hari Integriti KPKT 2017 telah diadakan pada 23 November lalu di Dewan Kristal, Aras B1 KPKT dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT, Khairul Dzaimie bin Daud.

Pelbagai acara diadakan seperti sesi perkongsian bersama pegawai-pegawai daripada Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP mengenai isu-isu semasa zakat,

Forum Integriti: Mensyukuri Rezeki, Menjauhi Rasuah dan Bicara Integriti bersama personaliti Al-Hijrah, Syamsul Amri bin Haji Ismail atau lebih dikenali sebagai Syamsul Debat.

Turut diadakan ialah pameran daripada agensi-agensi berkaitan seperti PPZ, Agensi Kaunseling Pengurusan Kewangan (AKPK), Bank Islam Malaysia Berhad, Polis Diraja Malaysia (PRDM), Unit Psikologi, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (KRAB), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



Syamsul Amri bin Haji Ismail atau Syamsul Debat menyampaikan syarahan dalam Bicara Integriti sempena Sambutan Hari Integriti KPKT 2017.

Peserta-peserta Pertandingan Debat Integriti Piala KSU Tahun 2017 bergambar dengan barisan juri.



Antara kakitangan KPKT yang hadir memeriahkan acara perasmian Sambutan Hari Integriti KPKT 2017.

Tan Sri Haji Noh bin Omar bersama wakil-wakil PBT pada Majlis Penyerahan Geran Tahunan PBT Negeri Selangor di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.



PBT Selangor terima geran tahunan KPKT RM46 juta

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyalurkan geran tahunan berjumlah lebih RM46 juta kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor baru-baru ini.

Geran tahunan tersebut yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kepada negeri dan PBT, mengikut Perkara 109 (3) Perlembagaan Persekutuan adalah bagi membantu kesemua 12 PBT di negeri berkenaan membiayai belanja mengurus masing-masing.

Menterinya, Tan Sri Haji Noh bin

Omar berkata, pemberian geran tahunan itu merupakan bukti Kerajaan Persekutuan sentiasa komited untuk membantu mana-mana negeri termasuk Selangor.

"Kita ikhlas dan tidak mahu menjadikan perbezaan politik sebagai halangan dalam usaha membangunkan Selangor walaupun mengakui banyak kekangan yang timbul.

"Tetapi kita mengamalkan politik matang dan saya berharap PBT juga profesional dalam menjalankan tugas mereka," katanya selepas majlis penyerahan geran tahunan tersebut di Shah Alam, Selangor.

Dalam perkembangan yang sama, Noh memberitahu, selain geran tahunan itu, KPKT turut menyalurkan sejumlah RM26 juta setahun bagi melangsaikan kos bil elektrik dan RM13.2 juta untuk sumbangan bantu kadar kepada seluruh PBT di Selangor.

Pada masa sama, beliau menasihatkan semua PBT agar sedar tentang tanggungjawab masing-masing sebagai penjawat awam dengan bersikap profesional dalam tugas mereka.

"Kita minta kerjasama daripada PBT di Selangor alam usaha KPKT memberikan khidmat kepada rakyat," jelasnya.

GERAN TAHUNAN PBT SELANGOR



Majlis Bandaraya
Petaling Jaya
RM5 juta



Majlis Bandaraya
Shah Alam
RM5 juta



Majlis Perbandaran
Klang
RM5 juta



Majlis Perbandaran
Ampang Jaya
RM5 juta



Majlis Perbandaran
Subang Jaya
RM5 juta



Majlis Perbandaran
Kajang
RM5 juta



Majlis Perbandaran
Selayang
RM5 juta



Majlis Daerah
Hulu Selangor
RM3.2 juta



Majlis Daerah
Kuala Langat
RM2.9 juta



Majlis Perbandaran
Sepang
RM2.2 juta



Majlis Daerah
Kuala Selangor
RM1.9 juta



Majlis Daerah
Sabak Bernam
RM1.7 juta



Tan Sri Haji Noh bin Omar ketika berucap pada Majlis Penyerahan Geran Tahunan PBT Negeri Selangor.



Tan Sri Haji Noh bin Omar beramah mesra dengan wakil-wakil PBT dari sekitar Selangor.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472



Laporan *Utusan Malaysia* tentang isu hotel larang pekerja wanita bertudung baru-baru ini.



PBT boleh batalkan lesen hotel larang wanita bertudung

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh menarik balik lesen mana-mana hotel di negara ini yang didapati melarang wanita Islam bertudung daripada bekerja di bahagian khidmat pelanggan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, tindakan tegas itu perlu kerana dasar tersebut jelas bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kebebasan beragama kepada semua rakyat.

Menurut beliau, pengurusan hotel sepatutnya bersikap lebih rasional dalam isu hak asasi manusia seperti yang sering diperjuangkan di peringkat antarabangsa.

"Perkara ini melibatkan PBT kerana mereka yang mengeluarkan lesen operasi.

Jadi saya minta PBT siasat perkara itu dan jika terbukti benar ia dasar hotel tersebut, tarik balik lesen mereka," katanya.

Noh mengulas laporan media berhubung pendedahan Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (Uni-MLC) mengenai aduan kakitangan hotel kepada pusat itu berkaitan diskriminasi terhadap pekerja wanita Islam yang diarah menanggalkan tudung.

Persatuan Hotel Malaysia (MAH) mempertahankan tindakan hotel berkenaan melarang wanita Islam bertudung bekerja di bahagian khidmat pelanggan sebagai sebahagian dasar dan prosedur operasi standard (SOP) antarabangsa.

Pada masa sama, Noh turut menyokong penuh ketegasan kerajaan

Negeri Sembilan yang mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak memperbaharui dan mengeluarkan lesen kepada mana-mana hotel yang melarang wanita Islam bertudung bekerja di bahagian khidmat pelanggan di negeri itu.

Beliau menyifatkan arahan kerajaan negeri itu sebagai satu langkah yang wajar sekali gus membuktikan kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serius menolak sebarang bentuk amalan diskriminasi di negara ini.

"Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan Negeri Sembilan kerana menyahut usaha menyekat amalan diskriminasi di negara ini," ujarnya.

Noh turut menghargai inisiatif serupa yang dilakukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan kerajaan negeri Terengganu.

SALAM MAULIDUR RASUL 1439H

TAN SRI NOH HAJI OMAR

MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN.
PENGURUSI MAJLIS TINDAKAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR.
PENGURUSI BARISAN NASIONAL NEGERI SELANGOR.
AHLI PARLIMEN TANJONG KARANG.





Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

JAWAPAN PARLIMEN

**LANGKAH KESELAMATAN DAN KEBAJIKAN RUMAH-RUMAH
PERSENDIRIAN YANG MENEMPATKAN ANAK-ANAK YATIM,
ORANG TUA, PELAJAR TAHFIZ DAN SEBAGAINYA**



**MELAKSANAKAN
PEMERIKSAAN KE
ATAS SEMUA
PUSAT TAHFIZ
DI SELURUH
NEGARA**



**MENGGIATKAN
AKTIVITI
PEMBELAJARAN
AWAM SEPERTI
CERAMAH,
SEMINAR,
DEMONSTRASI
KESELAMATAN
KEBAKARAN**



**MENUBUHKAN
SKUAD BOMBA
TAHFIZ.
SEHINGGA
17 OKTOBER 2017,
269 PASUKAN
TELAH DITUBUHKAN
DENGAN KEAHLIAN
SERAMAI
3,190 ORANG**



**MENGELUARKAN
NOTIS
MENGHAPUSKAN
BAHAYA
KEBAKARAN (MBK)
KEPADA PUSAT
TAHFIZ YANG
MEMPUNYAI
BAHAYA
KEBAKARAN
YANG SERIUS**



@bombaJBPM
@kpkt_gov



www.bomba.gov.my
www.kpkt.gov.my




bomba_malaysia
kpkt



Jabatan Bomba &
Penyelamat Malaysia
KPKT Malaysia

Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017

Orang ramai digalakkan membersihkan kawasan sekitar semasa karnival.



KARNIVAL Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 bakal berlangsung di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor pada 14 hingga 16 Disember ini.

Dengan bertemakan 'Tandas Kita: Saya Peduli, Anda?', karnival tersebut diadakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap soal menjaga kebersihan tandas dan memastikan tandas berada dalam keadaan yang baik.

Selain menanamkan semangat cintakan tandas dalam kalangan rakyat, sambutan Hari Tandas Sedunia juga diadakan sebagai satu tanda peringatan dan penghargaan kepada tandas yang menjadi keperluan penting dalam hidup manusia sekali gus meningkatkan imej kebersihan tandas awam di Malaysia.

Pelbagai aktiviti bakal diadakan semasa karnival tersebut termasuklah pertandingan memasak, pertan-

dingan mewarna, persembahan busking, pameran, senamrobik, seminar, sukaneka, pertunjukan motosikal klasik serta persembahan kebudayaan dan penampilan artis jemputan.

Majlis penyampaian hadiah akan turut diadakan bagi Pertandingan Fotografi Peringkat Negeri Johor anjuran Majlis Perbandaran Muar dan Kelab Fotografi yang telah dipertandingkan pada 15 Oktober 2017 sehingga 5 November 2017 dengan hadiah utama bernilai RM1,500 bagi kategori amatir dan RM3,000 bagi kategori profesional.

Pertandingan Tandas Bersih bagi kategori sekolah, kerajaan dan swasta Peringkat Daerah Muar turut menawarkan hadiah dengan juara meraih wang tunai RM500 dan sijil penyertaan diikuti wang tunai RM300 dan sijil penyertaan bagi tempat kedua manakala tempat ketiga meraih wang tunai RM200 dan sijil penyertaan.



Tandas dipertandingkan dengan kreativiti tersendiri.

PROGRAM KARNIVAL

➡ **PERTANDINGAN REKACIPTA BAHAN KITAR SEMULA BERKONSEPKAN TANDAS BAGI SEKOLAH MENENGAH DAN PUSAT PENGAJIAN TINGGI PERINGKAT NEGERI JOHOR**

➡ **PERTANDINGAN MEMASAK 'CARA HIDUP SIHAT'**
➡ **PERTANDINGAN MEWARNA KATEGORI KANAK-KANAK TADIKA**

➡ **PERSEMBAHAN BUSKING**

➡ **FORUM PERDANA HAL EHWAL ISLAM**

➡ **PAMERAN JABATAN MELIBATKAN SEMUA AGENSI KERAJAAN, PBT NEGERI JOHOR DAN NGO**

➡ **PROGRAM SENAMROBIK**

➡ **SEMINAR SEMPENA HARI TANDAS SEDUNIA TAHUN 2017**

➡ **SUKANEKA ANTARA JABATAN**

➡ **PERTUNJUKAN MOTOSIKAL KLASIK DAN UBAH SUAI**

➡ **PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN DAN Kesenian SERTA ARTIS JEMPUTAN**

Persembahan kebudayaan tidak ketinggalan menjadi sebahagian daripada acara karnival.

Artis-artis jemputan turut menyeronokkan karnival.



Antara tandas yang dipertandingkan.





Penghuni PPR Lembah Subang 1 gembira setelah lif diperbaiki oleh pihak pengurusan menggunakan peruntukan yang disalurkan KPKT.

Penghuni PPR Lembah Subang 1 jadi mangsa

Masalah yang tidak berkesudahan

SUDAH sekian lama penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 menderita dengan pelbagai masalah kemudahan asas yang sering berlaku dan sehingga kini, seolah-olah tiada sebarang tindakan atau jalan penyelesaian diambil bagi mengatasinya.

PPR Lembah Subang 1 yang menempatkan sebanyak 3,000 unit kediaman didapati dalam keadaan tidak terurus dan dibelenggu pelbagai masalah akibat kegagalan kerajaan negeri Selangor menguruskan perumahan kos rendah itu sejak pengambilalihan pada tahun 2008.

Penghuni-penghuni PPR Lembah Subang 1 sendiri telah beberapa kali menggesa pihak yang bertanggungjawab supaya membaik pulih kesemua kemudahan yang terdapat di laman blok dengan kadar segera.

Antara yang paling mengecewakan adalah kemudahan lif yang masih belum dapat berfungsi dengan sempurna sehingga ke hari ini sehingga menyukarkan para penghuni untuk menjalankan urusan harian terutamanya semasa waktu puncak di mana mereka perlu beratur dan menunggu masa yang lama untuk menggunakan nya.

Pada masa sama, penghuni juga mahu pihak bertanggungjawab menyelenggarakan semula paip kecemasan di setiap blok kerana terdapat lelehan air pada dinding-dinding rumah berpunca daripada kebocoran saluran paip. Malah, setiap kali hujan turun, kebanyakan kawasan di PPR itu di-



Masalah yang dihadapi penghuni PPR Lembah Subang 1 sukar diselesaikan selagi timbul halangan daripada pihak tertentu.

genangi air akibat longkang yang tersumbat.

Sehubungan itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil inisiatif untuk membantu penghuni

PERUNTUKAN KPKT

RM17 juta
lif baharu

RM29 juta
kos penyelenggaraan

PPR Lembah Subang 1 atas dasar menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutamanya di kawasan bandar.

Salah satu inisiatif KPKT adalah menyalurkan peruntukan sebanyak RM17 juta bagi membina semula lif baharu di kawasan tersebut.

Namun, hasrat KPKT dalam membina semula lif baharu terbantut apabila kemudahan itu dirosakkan pihak tidak bertanggungjawab.

Difahamkan, kejadian yang berlaku pada hujung bulan Ogos 2017 itu dilakukan dengan niat menggagalkan usaha KPKT dalam menyalurkan bantuan demi kesesuaian penghuni perumahan tersebut.

Selain itu, sebanyak RM29 juta turut disalurkan untuk kos penyelenggaraan bangunan termasuk lif, sistem pencegahan kebakaran, pendawaian elektrik, sanitari, pembaikan unit kosong, saluran air bumbung, kerosakan umum, landskap kejur seperti laluan pejalan kaki, papan tanda utama dan alatan permainan serta landskap lembut seperti pokok utama, pokok renek dan rumput.

Hargai usaha KPKT selesaikan masalah

PENGHUNI Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1, Selangor meluahkan rasa syukur serta menghargai usaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyelesaikan masalah kerosakan kemudahan asas di kawasan perumahan itu termasuk membina sebanyak 23 buah lif baharu supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang selesa.

Sebelum ini, mereka terpaksa berdepan kesulitan apabila hampir semua lif yang ada di perumahan tersebut tidak berfungsi dengan baik akibat tidak diselenggara dengan kerap.

Setiap blok mempunyai tiga buah lif yang mana setakat ini, sekurang-kurangnya sebuah lif yang berfungsi dan maksimum dua lif dapat digunakan pada satu-satu masa manakala lif ketiga sedang dibaik pulih.

Seorang pesara, **Paridah Arsad**, 62, berkata, berdasarkan pemerhatiannya sepanjang 20 tahun tinggal di tingkat lapan salah sebuah blok di PPR Lembah Subang 1, tidak pernah sekali pun semua lif berfungsi dengan baik.

"Pernah dalam satu-satu masa semua lif tidak berfungsi, terpaksa turun naik menggunakan tangga, sudahlah sakit urat saraf, kalau naik satu tingkat kena berhenti berehat sebab tidak larat.

"Tetapi Alhamdulillah, ada satu lif pun dapat memudahkan saya untuk naik dan turun," katanya yang berasal dari Kuala Selangor.

Seorang lagi pesara, **Rosli Mohamad**, 54, memberitahu, keadaan lif yang daif menyukarkan dirinya untuk bergerak keluar masuk dari tingkat tujuh setelah menghidap penyakit angin ahmar.

"Saya sudah setahun terkena angin ahmar di sebelah kanan badan, jadi tidak boleh bergerak banyak, nasib baik sekarang ini sudah ada dua lif berfungsi, kalau tidak memang susah," katanya yang sudah menghuni selama 10 tahun di PPR Lembah Subang 1.

Kesyukuran turut diluahkan oleh seorang penduduk, **Fatimah Harun**, 66, setelah blok yang dihuninya menerima sebuah lif baharu selepas hanya satu lif sahaja yang dapat digunakan selama ini.

"Boleh kata dalam sehari mesti tiga kali lif rosak, malah ada sesetengah tingkat sahaja lif boleh berhenti.

"Mujurlah ada lif baharu, tidak perlulah penduduk di sini meminta bantuan bomba lagi," katanya yang berasal dari Tanjong Karang, Selangor.



Paridah Arsad



Rosli Mohamad



Fatimah Harun



PBT boleh batalkan lesen hotel larang wanita bertudung muka 12

Buletin Bandar

3 DISEMBER 2017 • 14 RABIULAWAL 1439



Derita penghuni PPR Lembah Subang 1

● Lif sering rosak ● Paip bocor ● Longkang tersumbat

muka 15

Masalah selesai jika KPKT ambil alih



PBT Selangor terima geran tahunan KPKT RM46 juta muka 11

Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017

muka 14

